

PENUTUPAN OPERASI PUSPAKOM BERMULA 21 APRIL 2023 SEHINGGA 24 APRIL 2023 SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI

Bersempena pengisytiharan hari kelepasan am tambahan yang baru diumumkan oleh Kerajaan bagi memudahkan rakyat membuat perancangan untuk menyambut Aidilfitri, para pelanggan yang telah membuat temujanji pada **21 April 2023** dan **24 April 2023**:

- Pelanggan terlibat boleh membuat penjadualan semula (*reschedule*) selewat-lewatnya satu (1) hari sebelum tarikh slot temujanji di MyPUSPAKOM. Sekiranya penjadualan semula tidak dilakukan, pembayaran balik (*refund*) akan dibuat secara automatik.
- Pelanggan terlibat juga dibenarkan menjalankan pemeriksaan secara walk-in dengan mengemukakan slip pengesahan temujanji (pembayaran pemeriksaan perlu dilakukan di cawangan). Keutamaan pemeriksaan diberikan kepada kenderaan yang mempunyai tarikh akhir pemeriksaan. Slip pengesahan temujanji pada 21 April 2023 dan 24 April 2023 sah digunapakai dari 19 April 2023 sehingga 28 April 2023.
- Bagi kenderaan yang tamat tempoh Pemeriksaan Berkala pada 21 April 2023 dan 24 April 2023, kelonggaran pengecualian tindakan saman akan diberikan dan hendaklah hadir Pemeriksaan Berkala selewat-lewatnya pada 28 April 2023 tanpa perlu mendapatkan surat pelepasan khas daripada JPJ.